

Headline	MEF diminta teliti semula cadangan kerajaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	4	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	198 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,745



## CUTI PATERNITI SWASTA

# MEF diminta teliti semula cadangan kerajaan

**Sungai Buloh:** Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) diminta mempertimbangkan semula dan meneliti cadangan kerajaan untuk memberi cuti paterniti kepada pekerja sektor swasta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata walaupun ada majikan melihat cuti paterniti tiga hari itu merugikan, mereka perlu mempertimbangkan kesan jika berlaku kemalangan, kecederaan, depresi, gangguan emosi dan perkara lain yang secara tidak langsung menjejaskan kepentingan syarikat sendiri.

"Cuti paterniti bukan soal kesihatan dalam tempoh terdekat, sebaliknya membatikan kesihatan untuk jangka panjang. Justeru, saya minta dipertimbangkan sewajarnya kerana dalam aset sumber manusia, majikan perlu mementingkan kesihatan pekerja agar mereka sentiasa produktif, bukan sahaja fizikal, tetapi juga dari segi emosi.

### Persoalan kesihatan mental

"Saya selalu menekankan persoalan kesihatan mental dan jiwa kerana ia sangat penting," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan jentera bomba kepada Pasukan Bomba Sukarela Saujana Utama, di sini, semalam.

Sebelum ini, Pengarah Eksekutif MEF, Datuk Shamsuddin Bardan berkata, pihaknya tidak bersetuju dengan cadangan cuti paterniti kerana ia akan memberi kesan terhadap kos operasi syarikat. Ia susulan kenyataan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar yang dilaporkan berkata, draf pindaan Akta Kerja 1955 sedang disiapkan dan akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri bagi tujuan memperkenalkan cuti paterniti.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerajaan akan meneruskan siri perbincangan dengan semua pihak berkaitan, termasuk majikan bagi mendapatkan kata sepakat berhubung cadangan itu.

Dr Dzulkefly berkata, perkara itu belum dibincangkan dalam Kabinet, namun beliau menyokong sebarang langkah membawa kebaikan terhadap kesihatan rakyat, terutama warga kerja yang menyumbang kepada produktiviti negara.



Saya selalu menekankan persoalan kesihatan mental dan jiwa kerana ia sangat penting"

**Dr Dzulkefly Ahmad,**  
Menteri Kesihatan